

18/08/2003

Pencapaian Malik, isteri menteri dan telefon bimbit

Raja Ahmad Zainuddin

MINGGU lalu saya berkesempatan mengiringi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin melawat tapak pembinaan sebuah kem tentera di Gemas, Negeri Sembilan yang dikendalikan sebuah anak syarikat Lembaga Tabung Haji.

Yang menariknya projek menelan belanja berjuta-juta ringgit itu bukan saja menjadi kemudahan tempat tinggal lebih selesa, tetapi juga prasarana lengkap termasuk kemudahan sukan seperti padang bola, gelanggang takraw, tenis, dewan serba guna dan lapang sasaran.

Ternyata kebajikan anggota tentera kita juga sentiasa diberi perhatian kerajaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan mereka, selain membina hidup lebih selesa dengan keadaan persekitaran terbaik sebagaimana sering kali saya bangkitkan di Dewan Rakyat.

Seperti juga di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut di Perak, yang dipindahkan dari Woodland, Singapura sedikit masa lalu juga serba lengkap dengan kemudahan canggih. Banyak kejohanan diadakan di Stadium Lumut. Persatuan Bola Sepak Perak juga pernah menggunakan stadium itu suatu ketika sebagai gelanggang sendiri di dalam kempen Liga Perdana.

Kemudahan sukan ini amatlah penting memandangkan anggota tentera juga memerlukan untuk membuat latihan dan persediaan pasukan mereka bagi menyertai kejohanan di dalam dan luar negara.

Ini kerana ramai di kalangan atlet kebangsaan terdiri daripada anggota tentera yang kebiasaannya menyertai sama ada dalam acara tinju, sepak takraw dan menembak.

Selepas mendengar taklimat menyeluruh perkembangan projek itu, Abdul Hamid yakin penyerahan projek itu kepada pihak berkenaan dapat dilakukan mengikut jadual awal tahun depan.

Sebenarnya, kemudahan sukan yang dibina di negara kita ini sentiasa dipandang serius kerana ia membantu membangunkan rakyat. Bermula dengan tapak pembinaan projek perumahan hinggalah ke peringkat sekolah, kampung dan juga di kawasan bandar, ia sentiasa dituntut dan menjadi lebih penting sejak slogan kita boleh terus menjadi pembakar semangat.

Betapa tidaknya, pada saat negara begitu cemas menanti kejayaan perenang maraton, Abdul Malik Mydin merentasi Selat Inggeris kita juga turut ceria atas kemenangan pasukan karate kebangsaan di Piala Dunia di Sweden, di samping pemain badminton, Wong Choong Hann yang hampir memecah rekod menjadi pemain perseorangan pertama memenangi Kejohanan Dunia di Birmingham.

Sementara itu, seandainya Abdul Malik, 28 tahun disambut meriah dengan permaidani merah buat kali kedua, oleh barisan kepimpinan negara, tiada siapa harus rasa cemburu terhadap anak muda kelahiran Pulau Pinang ini kerana kejayaannya yang amat luar biasa.

Abdul Malik benar-benar seorang wira berani menyahut cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melihat anak jati Malaysia boleh melakukan sebagaimana orang lain dan sekali gus meletakkan nama negara sebaris dengan nama perenang besar dari rantau Asia dan benua Eropah yang lain.

Sungguh luar biasa kerana Abdul Malik yang sebelum ini bergiat dalam lumba basikal berjaya membuktikan kepada dunia bahawa rekod kejayaannya itu dilakukan di gelanggang orang. Dia kini boleh berdiri megah dan bukan lagi jaguh kampung dan jika sebelum ini ada pihak menidakkan kemampuannya kerana kononnya hanya mampu berbuat demikian di negara sendiri iaitu dari

Kuala Perlis hingga ke Langkawi sedikit masa lalu.

Tidak keterlaluan dikatakan betapa kejayaan Abdul Malik juga seperti petanda awal serta satu restu yang dikurniakan Allah bagi mengiringi kecemerlangan seorang lagi anak Pulau Pinang iaitu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang berasal dari Kepala Batas dan akan menerajui kepemimpinan negara tidak lama lagi.

Yang di-Pertuan Agung, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamallulail dan seluruh rakyat jelata tidak kira kaum dan keturunan turut berasa bangga di atas kejayaan Abdul Malik. Malah jika ada di antara kita yang mendabik dada tidak siapa pun boleh berasa cemburu sekalipun yang berbangsa `Mat Salleh.'

Gunung Everest sudah kita tawan, Kutub Selatan berjaya kita jejak dan belayar solo pun kita lakukan. Apa pula selepas ini? Mungkin akan muncul wira edisi baru untuk menerokai Kutub Utara? Nama Malaysia kini sudah meniti di bibir serata dunia.

Pun begitu, di sebalik pujian, pengiktirafan dan penghormatan yang diberikan di atas kejayaan kepemimpinan kita oleh dunia luar, amat malang kerana pada masa sama masih ada di kalangan masyarakat yang mempersendakan kepemimpinan negara, hanya kerana agenda politik tersendiri. Lebih malang jika ia terjerumus ke lembah perpecahan.

Politik bukan bermakna kita dididik untuk terus bermusuhan. Sukan mengajar kita betapa ia boleh memperkukuhkan silaturahim. Oleh itu janganlah kita hanya mampu bersorak gembira dan pada ketika kita bersukan, tetapi kemudian berpisah selepas tamatnya perlawanan.

Suami isteri juga diwajibkan untuk bersama-sama pada setiap waktu bukan saja di rumah, bahkan pada bila-bila masa. Pertandingan badminton anjuran badan amal (Bakti) hasil ilham Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang berakhir di Melaka minggu lalu menggambarkan betapa mereka berusaha walaupun dalam bersukan.

Walaupun usia mereka yang mengambil bahagian tidak seperti pemain badminton Piala Uber, tetapi kepemimpinan melalui teladan dipamerkan isteri menteri, timbalan menteri dan wakil rakyat itu sewajarnya dijadikan contoh terbaik bukan saja demi kerukunan rumah tangga, tetapi juga membakar semangat atlit muda terus mengibar Jalur Gemilang.

Walaupun sibuk, Perdana Menteri dan timbalannya juga sempat melapangkan masa memberi semangat dan galakan kepada isteri masing-masing. Begitulah juga Menteri Besar dan Ketua Menteri yang lain turut sama berada di sisi orang tersayang. Ini adalah satu lagi contoh terbaik untuk dijadikan pedoman kepada masyarakat lain yang saban hari sentiasa diselaputi pelbagai masalah keluarga.

Teknologi Maklumat (IT) tidak bermakna manusia sesuka hati menggunakan sistem pesanan ringkas (SMS) untuk melafazkan cerai. Sebaliknya kita perlu menjadikannya sebagai kemudahan perhubungan untuk mengeratkan lagi tali kasih sayang.

Pada hari ini, adanya kemudahan telefon bimbit dikalangan atlit kita juga mendekatkan lagi mereka dengan ahli keluarga semasa menjalani latihan. Begitupun, kepada pengurusan pasukan bola sepak, ia adalah sesuatu yang cukup memeningkan kerana bimbang ada di kalangan pemain akan terdedah kepada kegiatan tidak diinginkan.

Bagaimanapun kepada pemain yang telah berkeluarga ia amatlah penting setidak-tidaknya untuk mendapatkan semangat dan sokongan sebelum mereka turun ke padang bertemu lawan masing-masing.

Akhirnya segala kemudahan IT yang serba canggih ini wajarlah digunakan sebaik mungkin dan bukan untuk tujuan menganiaya sesiapa sekalipun terdorong melakukannya untuk mengaut keuntungan tanpa memikirkan nasib malang yang akan menimpa orang lain.